

Touch 'n Go bukan monopoli

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan Touch 'n Go bukanlah satu monopoli sebaliknya banyak lagi pemain lain yang beroperasi di pasaran dompet digital (e-wallet) tempatan.

Timbalan Menterinya Chong Chieng Jen berkata, selain Touch 'n Go, pemain lain yang beroperasi dalam

pasaran e-wallet adalah MCash, Boost, GrabPay dan Alipay, malah senarai penuh pemegang lesen e-wallet turut disenaraikan di laman web Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, mengikut Seksyen 10 Akta Persaingan 2010, monopoli boleh dikategorikan sebagai satu kesalahan jika menghalang kemasukan pemain lain dalam pasaran.

"Kami mendapati khidmat Touch 'n Go dilihat sebagai pemudah cara kepada alternatif menggunakan tunai.

"Ini bermaksud pengguna diberi pilihan sama ada untuk menggunakan Touch 'n Go sebagai kaedah pembayaran atau tidak," katanya pada sesi soal jawab lisan di sidang Dewan Rakyat di sini, semalam.